# REKA BENTUK MUKAAN BANGUNAN AWAM KE ARAH PEMBENTUKAN SENI BINA BERCIRIKAN IDENTITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ERNA NURALIA ZHARANI

Tesis ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Senibina

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2019

# DEDIKASI

Saya ingin mendedikasikan tesis ini kepada keluarga saya, terutama sekali ibu dan ayah serta penyelia saya yang sentiasa mengajar untuk menuntut ilmu dan kesabaran dalam usaha mengecapi kejayaan.

# PENGHARGAAN

Syukur dan alhamdulillah, di sepanjang penghasilan tesis ini, saya telah menemui dan berkongsi ilmu dengan pelbagai pihak, penyelidik, ahli akademik dan golongan profesional. Mereka telah banyak menyumbang kepada pemahaman saya mengenai kajian ini.

Saya juga ingin meluahkan penghargaan saya kepada penyelia saya, Dr Alice Sabrina Ali, di atas persahabatan, bimbingan, kritikan positif dan dorongan beliau sepanjang masa. Tanpa sokongan beliau yang berpanjangan, tesis ini tidak akan dapat disempurnakan sepertimana ia pada hari ini.

Di sini juga turut ingin meluahkan rasa terima kasih kepada pihak Fakulti Alam Bina kerana sentiasa membantu menyampaikan perihal informasi terkini serta urusan perihal universiti dan fakulti.

Tidak dilupai, untuk seluruh keluarga saya iaitu ayah saya, Zharani Ismail, ibu saya, Pn Hirana Abdul Jalil, dan adik-beradik yang tidak putus-putus memberi semangat dan sokongan di hari pertama sehinggalah ke hari ini. Terutama sekali semangat yang diberikan sewaktu saya menghadapi operasi kedua-dua belah mata. Sokongan dan bantuan mereka amat dihargai.

Akhir sekali, para sahabat dan teman seperjuangan yang turut saling memberi motivasi dan silaturrahim yang terbina di sepanjang pengajian. Terima kasih.

# ABSTRAK

Identiti kebangsaan dalam seni bina penting bagi sesebuah negara membangun kerana secara tidak langsung melambangkan perpaduan bangsa, menanam rasa cinta dan bangga terhadap negara. Namun begitu, penerapan identiti kebangsaan pada pembangunan alam bina di Malaysia tidak diberikan perhatian sewajarnya oleh pihak terbabit. Ini telah menjadi isu utama sehingga terbinanya bangunan awam yang tidak mempunyai 'cita rasa kekitaan dan ciri setempat'. Pemasalahan ini ketara pada banyak tipologi bangunan awam dan kerajaan terutamanya pada bangunan akademik, iaitu institusi pengajian tinggi. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis hubungan antara identiti kebangsaan dengan seni bina pendidikan tinggi. Tipologi seni bina pendidikan dipilih kerana institusi pendidikan tinggi melahirkan para cendikiawan yang mampu mengubah corak kehidupan dan mempengaruhi pembangunan sesebuah negara. Dengan yang demikian, kajian ini menggunakan pendekatan kualititatif dengan kaedah naratif menerusi paradigma interpretasi untuk memahami dan menganalisis reka bentuk mukaan bangunan tiga buah bangunan pentadbiran universiti awam di Malaysia, iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Analisis terhadap reka bentuk mukaan bangunan bagi tiga bangunan kajian kes ini adalah berdasarkan dua indikator utama, iaitu faktor tetap tempatan dan faktor dinamik tempatan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa reka bentuk mukaan bangunan USIM dan UIA lebih bercirikan identiti kebangsaan berbanding dengan UKM kerana rupa bangunan pentadbiran UIA dan USIM memenuhi kriteria kedua-dua indikator utama tersebut. Ciri-ciri utama yang jelas nampak pada mukaan bangunan-bangunan tersebut dilihat menepati cita rasa budaya tempatan, memaparkan reka bentuk seni bina Islam, serta jalinan seni bina warisan tempatan dan penggunaan bahan binaan tempatan bagi reka bentuk rupa bangunan yang bersesuaian dengan kehendak iklim dan topografi setempat. Berdasarkan dapatan kajian ini, reka bentuk mukaan bangunan pendidikan tinggi awam dicadangkan untuk dijadikan rujukan pereka serta pihak berkuasa pada masa hadapan agar pelaksanaan identiti seni bina kebangsaan ini dapat diterapkan secara menyeluruh dan berkesan demi pembangunan alam bina yang lebih sekata di Malaysia.

# ABSTRACT

National identity in architecture is vital for a developing country as it indirectly symbolises national unity, inculcating love and pride towards the nation. However, the implementation of national identity in the Malaysian built environment has been neglected by most parties involved. This has become a focal issue which has led to most public buildings not having a 'sense of belonging and 'sense of place'. This problem is apparent in many typologies of public and government buildings, especially in academic buildings namely at higher educational institutions. Therefore, the objective of this study is to identify and analyse the relationship between national identity and the architecture of higher education. The typology of educational architecture is chosen because higher educational institutions produce intellectuals who are able to transform the pattern of life and influence the development of a nation. Hence, this study utilizes a qualitative research approach using a narrative method through interpretivism paradigm to understand and analyse the façade design of three public university administrative buildings in Malaysia; Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA) and Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). The analysis on the façade design of these three case studies is based on two key indicators which consist of fixed regional factor and dynamic regional factor. The finding shows that USIM and UIA façade designs have more national identity characteristics compared to UKM as the appearance of UIA and USIM administrative buildings fulfilled the criteria of the two key indicators. The main characteristics that are apparent to both appearances are due to the local culture approaches, design considerations in Islamic architecture, continuity in the architecture of regional heritage and local building materials that are mainly used on building façade designs to adapt climate and topography. Based on this finding, a higher education façade design is recommended for local designers and authorities as future reference for an extensive and effective implementation of architectural national identity in order to create a more unified architectural development in Malaysia.

## KANDUNGAN


| | | TAJUK | HALAMAN |
|---|---|---|---|
| | | **PENGAKUAN** | **i** |
| | | **DEDIKASI** | **iii** |
| | | **PENGHARGAAN** | **iv** |
| | | **ABSTRAK** | **v** |
| | | **ABSTRACT** | **vi** |
| | | **KANDUNGAN** | **vii** |
| | | **SENARAI JADUAL** | **xiii** |
| | | **SENARAI RAJAH** | **xiv** |
| | | **SENARAI SINGKATAN** | **xx** |
| | | **SENARAI LAMPIRAN** | **xxi** |
| **BAB** | **1** | **PENGENALAN** | **1** |
| | 1.1 | Latar Belakang Kajian | 1 |
| | 1.2 | Persoalan dan Permasalahan | 2 |
| | 1.3 | Persoalan Kajian | 5 |
| | 1.4 | Objektif Kajian | 5 |
| | 1.5 | Bidang Kajian | 6 |
| | 1.6 | Kepentingan Kajian | 6 |
| | 1.7 | Struktur Kajian | 8 |
| | 1.8 | Rumusan | 11 |
| **BAB** | **2** | **KEPERLUAN DAN PERMASALAHAN SENI BINA IDENTITI KEBANGSAAN DI MALAYSIA** | **13** |
| | 2.1 | Pengenalan | 13 |
| | 2.2 | Definisi, Teori Dan Latar Belakang Pembentukan Identiti Dari Pandangan Sarjana | 14 |
| | 2.3 | Definisi Identiti | 15 |
| | 2.4 | Definisi Identiti Kebangsaan Dari Pandangan Sarjana | 17 |

2.5 Kepentingan Dan Kaedah Untuk Menampilkan Identiti Kebangsaan Dalam Kehidupan Bermasyarakat Menerusi Alam Bina 19

2.6 Kategori Penampilan Seni Bina Identiti Kebangsaan Dan Kepentingannya 24

2.6.1 Penampilan Seni Bina Identiti Kebangsaan Untuk Keperluan Golongan Pemerintah 25

2.6.2 Penampilan Seni Bina Identiti Kebangsaan Untuk Keperluan Masyarakat 29

2.7 Isu Dan Persoalan Seni Bina Identiti Kebangsaan Di Malaysia 31

2.8 Pendekatan Dan Tipologi Identiti Seni Bina di Malaysia 33

2.9 Sejarah Perkembangan Dan Pencarian Identiti Seni Bina Kebangsaan Di Malaysia 34

2.10 Faktor Yang Membentuk Seni Bina Identiti Kebangsaan Dari Pandangan Sarjana Dan Perkaitannya Dengan Dasar Seni Bina Identiti Kebangsaan (DASIK) di Malaysia 41

2.10.1 Faktor Yang Membentuk Seni Bina Identiti Kebangsaan Dari Pandangan Sarjana 42

2.10.2 Definisi Faktor Tetap Tempatan Dan Faktor Dinamik Tempatan 47

2.10.3 Contoh Bangunan Dengan Pengaruh Faktor Tetap Tempatan 49

2.10.4 Contoh Bangunan Dengan Pengaruh Faktor Dinamik Tempatan 51

2.10.5 Perkaitan Antara Faktor Tetap Tempatan Dan Faktor Dinamik Tempatan Dengan DASIK 53

2.11 Visi Dan Kepentingan DASIK Dalam Pembentukan Identiti Seni Bina Kebangsaan 57

2.12 Ringkasan 58

**BAB 3 MUKAAN SENI BINA PENDIDIKAN UNIVERSITI SEBAGAI PERANTARA DALAM MENYAMPAIKAN IDENTITI KEBANGSAAN 61**

3.1 Pengenalan 61

3.2 Definisi Dan Fungsi Mukaan Seni Bina 62

3.3 Unsur-Unsur Seni Bina 65

3.3.1 Reka Bentuk 65

3.3.1.1 Tipologi Reka Bentuk 66

3.4 Reka Bentuk Seni Bina Sebagai Medium Menyampaikan Identtiti Kebangsaan 70

3.4.1 Unsur Reka Bentuk Bangunan Sebagai Lambang Identiti Kebangsaan 70

3.4.2 Prinsip Reka Bentuk Membentuk Gaya Rupa 72

3.5 Teori Yang Berkaitan Dengan Mukaan Bangunan Untuk Melambangkan Identiti Kebangsaan 79

3.5.1 Teori Gaya Rupa 80

3.5.1 Teori Perkadaran 88

3.5.2 Teori Fungsi 89

3.5.3 Teori Organik 89

3.5.4 Teori Komunikasi 90

3.6 Rumusan 94

3.7 Seni Bina Pendidikan (Universiti) 95

3.7.1 Definisi Seni Bina Pendidikan (Universiti) 95

3.7.2 Tipologi Seni Bina Pendidikan (Universiti) 96

3.8 Jenis Bangunan Yang Membentuk Seni Bina Universiti 98

3.9 Ciri-Ciri dan Unsur Yang Membentuk Seni Bina Pentadbiran Universiti 100

3.9.1 Rumusan 102

3.10 Hubung Kait Ciri-ciri Mukaan Seni Bina Pentadbiran Universiti Dengan Identiti Kebangsaan 102

3.11 Rumusan 109

**BAB 4 MUKAAN BANGUNAN PENDIDIKAN (UNIVERSITI) DI PERINGKAT GLOBAL DAN PENAMPILAN IDENTITI KEBANGSAAN 111**

4.1 Pengenalan 111

4.2 Mukaan Seni Bina Pendidikan Di Peringkat Global (Skala dan Perkadaran, Gaya Reka Bentuk, Dan Fungsi Mukaan Dalam Menampilkan Identiti Kebangsaan) 111

4.2.1 Pusat Kesenian Wexner di Ohio 111

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | 4.2.2 Perpustakaan Negara Israel Di Universiti Hebrew, Jerusalem | 116 |
| | 4.3 | Ringkasan | 120 |
| **BAB** | **5** | **PERANAN DAN PERKEMBANGAN YAYASAN PENDIDIKAN TINGGI (UNIVERSITI) DI MALAYSIA** | **123** |
| | 5.1 | Pengenalan | 123 |
| | 5.2 | Definisi Dan Tipologi Yayasan Pendidikan Di Malaysia | 123 |
| | 5.3 | Aturan Sistem Pendidikan Dan Kurikulum Pengajian Tinggi Di Malaysia | 126 |
| | | 5.3.1 Definisi Yayasan Pengajian Tinggi Awam Dan Kurikulum | 127 |
| | | 5.3.2 Definisi Yayasan Pengajian Tinggi Swasta dan Kurikulum | 129 |
| | 5.4 | Kategori Yayasan Pengajian Tinggi di Malaysia | 130 |
| | 5.5 | Ringkasan | 132 |
| | 5.6 | Jurang Kajian | 134 |
| **BAB** | **6** | **METODOLOGI KAJIAN** | **141** |
| | 6.1 | Pengenalan | 141 |
| | 6.2 | Paradigma Kajian | 143 |
| | | 6.2.1 Paradigma Interpretasi | 144 |
| | 6.3 | Kaedah Kajian : Kajian Naratif (Cerita) | 146 |
| | | 6.3.1 Metodologi Kajian : Hermeneutik dan Kitaran Hermeneutik | 150 |
| | | 6.3.1.1 Indikator Untuk Membaca Reka Bentuk Mukaan Bangunan | 152 |
| | | 6.3.1.2 Indikator Untuk Mentafsir Teks dan Dokumen Berkaitan Pengaruh Reka Bentuk Identiti Kebangsaan. | 155 |
| | 6.4 | Kaedah Kajian: Kajian Kes | 157 |
| | | 6.4.1 Strategi : Kaedah Kajian Kes Pelbagai (*Multiple Case Study Method*) | 157 |
| | | 6.4.2 Justifikasi Pemilihan Kajian Kes | 158 |
| | 6.5 | Kaedah Pengumpulan Data | 161 |

6.5.1 Kaedah Pengumpulan Data Untuk Mukaan Seni Bina Pentadbiran Universiti 161

6.5.1.1 Pemerhatian Terhadap Mukaan Seni Bina Pentadbiran Universiti 162

6.5.1.2 Dokumentasi Seni Bina Pentadbiran Universiti 163

6.5.1.3 Temu Duga Berkaitan Seni Bina Bangunan Pentadbiran (Universiti) 166

6.5.2 Dokumen Dan Polisi 167

6.6 Teknik Analisis Data 169

6.6.1.1 Fasa Pertama – Teknik Analisa Data Reka Bentuk Mukaan Bangunan Pentadbiran Universiti 171

6.6.1.2 Fasa Pertama – Teknik Analisa Data Dokumen & Transkrip Temu Duga 174

6.6.2 Fasa Kedua - Gabungan Data Reka Bentuk Mukaan Bangunan Pentadbiran Dan Faktor Tetap Serta Faktor Dinamik Tempatan 180

6.7 Kesimpulan 181

**BAB 7 PENEMUAN 183**

7.1 Pengenalan 183

7.2 Ciri-Ciri Reka Bentuk Bangunan Pentadbiran UKM (Indikator A) 184

7.2.1 Skala Dan Perkadaran Bangunan Pentadbiran UKM 184

7.2.2 Gaya Reka Bentuk Mukaan Bangunan Pentadbiran UKM 187

7.2.3 Fungsi Reka Bentuk Mukaan Bangunan Pentadbiran UKM 192

7.3 Ciri-Ciri Reka Bentuk Bangunan Pentadbiran UIA (Indikator A) 194

7.3.1 Skala Dan Perkadaran Bangunan Pentadbiran UIA 195

7.3.2 Gaya Reka Bentuk Fasad Bangunan Pentadbiran UIA 198

7.3.3 Fungsi Reka Bentuk Mukaan Bangunan Pentadbiran UIA 204

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 7.4 | Ciri-Ciri Reka Bentuk Bangunan Pentadbiran USIM (Indikator A) | 206 |
| | | 7.4.1 Skala Dan Perkadaran Bangunan | 206 |
| | | 7.4.2 Gaya Reka Bentuk Fasad Bangunan | 210 |
| | | 7.4.3 Fungsi Reka Bentuk Bangunan Pentadbiran USIM | 215 |
| | 7.5 | Kesimpulan | 216 |
| **BAB** | **8** | **PERBINCANGAN** | **219** |
| | 8.1 | Pengenalan | 219 |
| | 8.2 | Mukaan Seni Bina Bangunan Pentadbiran Dan Perkaitan Dengan Faktor Tetap Tempatan Dan Faktor Dinamik Tempatan | 219 |
| | 8.3 | Rumusan Jadual Pencerakinan Mukaan Bangunan Pentadbiran dengan Faktor Tetap dan Faktor Dinamik Bagi Melambangkan Identiti Kebangsaan. | 223 |
| **BAB** | **9** | **KESIMPULAN DAN CADANGAN** | **231** |
| | 9.2 | Pengetahuan Baru dari Kajian | 233 |
| | 9.3 | Sumbangan Kajian | 234 |
| | 9.4 | Cadangan Kajian Lanjutan | 235 |
| **RUJUKAN** | | | **237** |
| **SENARAI PUBLIKASI** | | | **307** |

## SENARAI JADUAL


| NO. JADUAL | TAJUK | HALAMAN |
|---|---|---|
| Jadual 2.1 | Pandangan sarjana ke atas faktor mempengaruhi pembentukan seni bina beridentiti kebangsaan. | 42 |
| Jadual 3.1 | Tipologi fizikal rupa bentuk (Mohidin,2018; D.K Ching,2014). | 67 |
| Jadual 3.2 | Tipologi organisasi reka bentuk (Mohidin, 2015) | 69 |
| Jadual 5.1 | Jurang kajian | 135 |
| Jadual 6.1 | Senarai kajian kes | 158 |
| Jadual 6.2 | Justifikasi pemilihan kajian kes | 159 |
| Jadual 6.3 | Dokumentasi terhadap bangunan pentadbiran universiti (UKM, UIA dan USIM) | 164 |
| Jadual 6.4 | Sesi temu duga mengenai UKM, UIA dan USIM | 166 |
| Jadual 6.5 | Senarai dokumen | 168 |
| Jadual 6.6 | Teknik analisa mukaan bangunan pentadbiraan universiti awam | 171 |
| Jadual 6.7 | Hubung kait ciri reka bentuk Bangunan Pentadbiran UIA dengan seni bina beridentiti kebangsaan DASIK (2017) | 180 |
| Jadual 8.1 | Pencerakinan reka bentuk bangunan dan perkaitannya dengan Faktor Tetap dan Faktor Dinamik bagi melambangkan seni bina identiti kebangsaan | 221 |

## SENARAI RAJAH


| NO. RAJAH | TAJUK | HALAMAN |
|---|---|---|
| Rajah 2.1 | Empat kategori penampilan seni bina identiti kebangsaan (Levine; 2018; Shear,2018; Adam,2012; Ismail,2009) | 24 |
| Rajah 2.2 | Gambaran seni bina dengan penampilan identiti subkebangsaan (Vale,2008) | 25 |
| Rajah 2.3 | Contoh Bangunan PWTC di Kuala Lumpur melambangkan Rumah tradisional Melayu dan merupakan tempat perhimpunan parti politik UMNO. (Kosman,2007) | 25 |
| Rajah 2.4 | Gambaran seni bina dengan penampilan identiti persendirian (Vale,2008) | 26 |
| Rajah 2.5 | Contoh Bangunan Perdana Putrajaya lebih menggambarkan seni bina Islamik Timur Tengah dan Eropah inspirasi dari Perdana Menteri Malaysia , Tun Mahathir Mohamad.(Moser,2012) | 27 |
| Rajah 2.6 | Gambaran seni bina dengan penampilan identiti suprakebangsaan (Vale,2008) | 28 |
| Rajah 2.7 | Contoh bangunan adalah Menara Mesiniaga bersifat setempat dan mesra alam mendapat pengiktirahan anugerah Aga Khan pada tahun 1995. (Rasdi,2005) | 28 |
| Rajah 2.8 | Gambaran seni bina dengan penampilan identiti penampilan (Vale,1992) | 29 |
| Rajah 2.9 | Contoh bangunan Hotel Lantern di Kuala Lumpur mempunyai mukaan dining bernafas menggabungkan susunan batu-bata berrongga dan kemasan dari bahan kayu menggambarkan is sebuah binaan moden tropika yang berdaya maju. (Surat,2018) | 30 |
| Rajah 2.10 | Bentuk muka bumi Malaysia (Abdullah & Hezri,2008) | 47 |
| Rajah 2.11 | Bangunan Kanchanjunga Apartment (Correa,1987) | 50 |
| Rajah 2.12 | Bangunan Kanchanjunga Apartment (Correa,1987) | 50 |
| Rajah 2.13 | Keratan rentas Bangunan Persidangan Kebangsaan di Kuwait (Foley,2010) | 51 |
| Rajah 2.14 | Bangunan Persidangan Kebangsaan di Kuwait (Foley,2010) | 51 |

| | | |
|---|---|---|
| Rajah 2.15 | Pembentukan Indikator Faktor Tetap dan Faktor Dinamik serta Perkaitannya dengan DASIK (DASIK,2017; Surat, 2012 ; Dittmer & Kim dll, 2000-2018) | 56 |
| Rajah 2.16 | Taksonomi Pengukuran Taraf Seni bina Identiti Kebangsaan (Surat,2018) | 58 |
| Rajah 3.1 | Gambaran rupa dan bentuk yang kemudian membentuk ruang dan kedalaman (D.K. Ching, 2014) | 71 |
| Rajah 3.2 | Contoh bangunan adalah Taj Mahal Mausoleum Agra, Uttar Pradesh, India (D.K Ching, 2014; Rowland, Ingrid dan Howe, 1999;) | 73 |
| Rajah 3.3 | Contoh bangunan adalah Chateau de Chaumont Saone-et-Loire, France (D.K. Ching dll, 2017 ) | 73 |
| Rajah 3.4 | Contoh bangunan Chi Lin Buddhist Temple di Hong Kong. ( D.K Ching, 2017) | 74 |
| Rajah 3.5 | Contoh bangunan adalah Hearst Castle di California (D.K Ching, 2017) | 74 |
| Rajah 3.6 | Contoh bangunan adalah Dresden Frauenkirche Deresden, Germany (kiri) dan Galleria Vittorio Emanuele II Milan, Italy (kanan) (D.K. Ching, 2014) | 75 |
| Rajah 3.7 | Contoh bangunan adalah Bric III—Yugo-Zapadniy Okryg—Moscow (D.K Ching, 2014) | 75 |
| Rajah 3.8 | Contoh bangunan adalah Saint Basil Cathedral di Rusia (D.K Ching, 2014; Schmidt, A. J.,1989) | 76 |
| Rajah 3.9 | Contoh bangunan adalah Pagoda batu 16 tingkat di Chōshō-ji di Kamakura (D. K. Ching, 2017) | 76 |
| Rajah 3.10 | Contoh bangunan KLCC di Kuala Lumpur (D. K. Ching, 2017) | 77 |
| Rajah 3.11 | Contoh bangunan adalah Le Musee du luvre di Paris (D. K. Ching, 2017) | 77 |
| Rajah 3.12 | Contoh bangunan Bauhaus di Germany yang menggunakan elemen warna dalam mengkontrakan pintu masuk dengan mewarnakan ia merah (D. K. Ching, 2017) | 78 |
| Rajah 3.13 | Contoh bangunan Chi Lin Buddhist Temple di Hong Kong memberi keharmonian . (D.K. Ching, 2017) | 78 |
| Rajah 3.14 | Contoh bangunan Muzium Negara yang memberi pendekatan seni bina 'revivalisme' diadaptasi dari Rumah Tradisi Melayu. (Mursib dan Rasdi ,2004) | 81 |
| Rajah 3.15 | Hubung kait Revivalisme dengan faktor tetap dan dinamik tempatan | 81 |

| | | |
|---|---|---|
| Rajah 3.16 | Contoh bangunan Menara KLCC sebagai seni bina yang menonjolkan modenistik ekspresionisme (Rasdi,2005) | 82 |
| Rajah 3.17 | Hubung kait modenistik ekspresionisme dengan faktor tetap dan dinamik tempatan | 82 |
| Rajah 3.18 | Contoh bangunan Masjid Negara sebagai seni bina yang menonjolkan pendekatan metafora (Kosman,2007) | 83 |
| Rajah 3.19 | Hubung kait metafora dengan faktor tetap dan dinamik tempatan | 84 |
| Rajah 3.20 | Contoh bangunan Bangunan Podium Parlimen sebagai seni bina yang menonjolkan pendekatan fungsionalisme (Mohidin,2017) | 85 |
| Rajah 3.21 | Hubung kait fungsionalisme dengan faktor tetap dan dinamik tempatan | 85 |
| Rajah 3.22 | Contoh bangunan Rumah Peranginan *Sebana Cove* sebagai seni bina yang menonjolkan pendekatan regionalism primitif (Kosman,2007; Rasdi,2005) | 86 |
| Rajah 3.23 | Hubung kait regionalisme dengan faktor tetap dan dinamik tempatan | 87 |
| Rajah 3.24 | Hubung kait antara ciri-ciri mukaan seni bina bangunan pentadbiran Universiti dengan Identiti Kebangsaan (DASIK dan Kajian Ilmiah) | 104 |
| Rajah 4.1 | Mukaan Reka Bentuk Pusat Kesenian Wexner di Ohio (Universiti Columbus di Ohio) yang direka oleh Peter Eisenman (Loschiavo, 2011; Eisenman, 2004) | 112 |
| Rajah 4.2 | Pemandangan isometrik Bangunan Pusat Kesenian Wexner di Ohio menunjukkan pertembungan grid system yang membentuk ciri keunikan bangunan (Loschiavo, 2011; Eisenman, 2004) | 112 |
| Rajah 4.3 | Pelan tapak bangunan Pusat Kesenian Wexner yang dibina pada tahun 1983 dan siap pada tahun 1989 (Loschiavo, 2011; Eisenman, 2004) | 113 |
| Rajah 4.4 | Penghasilan mukaaan bangunan Pusat Wexner (Eisenman,2004; Loschiavo, 2011) | 114 |
| Rajah 4.5 | Ruang dalaman struktur 'scaffolding' yang menjadi sumber motivasi dan inspirasi pelajar-pelajar seni (Eisenman,2004; Loschiavo, 2011) | 115 |
| Rajah 4.6 | Menggambarkan peristiwa sempena pembukaan Universiti Hebrew yang dilihat sebagai peristiwa keramat bagi gerakan Zionis pada tahun 1925 (Dolev, 2001) | 117 |

| | | |
|---|---|---|
| Rajah 4.7 | Lokasi kedudukan Perpustakaan Negara dan Universiti Hebrew Israel (Dolev, 2000) | 118 |
| Rajah 4.8 | Mukaan reka bentuk bangunan perpustakaan moden kampus *Mount Scopus* di Universiti Hebrew, Jerusalem di tahun 1960an (Dolev, 2000) | 118 |
| Rajah 4.9 | Mukaan reka bentuk bangunan perpustakaan terbaru yang di reka oleh firma arkitek dari Swiss, Herzog & de Meuron yang dijangka siap pada tahun 2020. (Dolev, 2000) . | 119 |
| Rajah 5.1 | Senarai institusi pengajian tinggi awam/ universiti awam di Malaysia berdasarkan kategori (Kementerian Pendidikan Malaysia ,2008; Kadir,2002) | 128 |
| Rajah 5.2 | Senarai yayasan pendidikan tinggi awam di dalam kategori Universiti Penyelidikan. (Kementerian Pendidikan Malaysia,2008) | 130 |
| Rajah 5.3 | Senarai yayasan pendidikan tinggi universiti komprehensif di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia,2008) | 131 |
| Rajah 5.4 | Senarai yayasan pendidikan tinggi awam universiti tertumpu di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2008) | 132 |
| Rajah 6.1 | Rangka Kajian Penyelidikan | 142 |
| Rajah 6.2 | Interpretasi sebagai satu cara penyelidikan (Burnett, dan Lingam, 2012) | 145 |
| Rajah 6.3 | Indikator Untuk Membaca Mukaan Seni Bina Bangunan | 154 |
| Rajah 6.4 | Indikator untuk membaca dan mentafsir dokumen, teks dan transkrip berkaitan dengan bangunan kajian kes | 156 |
| Rajah 6.5 | Rangka kerja kajian lebih terperinci | 170 |
| Rajah 6.6 | Sampel Temu Duga bersama Arkitek FAA yang mereka bentuk seni bina bangunan pentadbiran Universiti Islam Antarabangsa | 177 |
| Rajah 6.7 | Fasa ketiga untuk proses pengekodan transkrip temu duga | 178 |
| Rajah 6.8 | Langkah terakhir proses pengekodan transkrip sesi temu duga bangunan pentadbiran Universiti | 179 |
| Rajah 6.9 | Hubung kait reka bentuk seni bina mukaan dan latar belakang bangunan dengan seni bina identiti kebangsaan yang merangkumi faktor tetap dan faktor dinamik tempatan. | 181 |
| Rajah 7.1 | Pandangan atas kawasan kampus UKM (JPPUKM, 2016) | 185 |

Rajah 7.2 Pandangan hadapan Bangunan pentadbiran UKM dan konteks sekeliling. (JPPUKM, 2016) 185

Rajah 7.3 Ukuran kelebaran dan ketinggian bangunan pentadbiran UKM yang diambil dari lukisan (JPPUKM, 2016). 185

Rajah 7.4 Skala dan Perkadaran: Pembacaan mukaanreka bentuk lapisan pertama dan kedua:- struktur binaan utama dan tambahan bangunan pentadbiran UKM (Malhis, 2004) 186

Rajah 7.5 Gaya Reka Bentuk: Pembacaan mukaanreka bentuk lapisan ketiga dan keempat:- unsur binaan utama dan tambahan bangunan pentadbiran UKM (Malhis, 2004) 187

Rajah 7.6 Gaya Reka Bentuk: Perincian bumbung dan dinding bangunan pentadbiran UKM (JPPUKM,2016) 188

Rajah 7.7 Gaya Reka Bentuk: Perincian lantai dan tapak bangunan bangunan pentadbiran UKM (JPPUKM,2016) 189

Rajah 7.8 Bangunan pentadbiran UKM pintu masuk utama (JPPUKM, 2016) 190

Rajah 7.9 Pandangan hadapan Bangunan pentadbiran UKM dari susur jalan utama (JPPUKM, 2016) 191

Rajah 7.10 Pandangan atas kawasan kampus UIA (Jabatan Seni Bina dan Rekabentuk Alam Sekitar UIA, 2017) 194

Rajah 7.11 Pandangan hadapan Bangunan pentadbiran UIA dan sebahagian bangunan sekitarnya. (Jabatan Seni Bina dan Rekabentuk Alam Sekitar UIA, 2017) 195

Rajah 7.12 Pandangan atas bangunan pentadbiran UIA di Gombak. (Jabatan Seni Bina dan Rekabentuk Alam Sekitar UIA, 2017) 196

Rajah 7.13 Ukuran kelebaran dan ketinggian bangunan pentadbiran UIAyang diambil dari lukisan '*as-built*' (Jabatan Seni Bina dan Rekabentuk Alam Sekitar UIA, 2017) 196

Rajah 7.14 Skala dan Perkadaran: Pembacaan mukaan reka bentuk lapisan pertama dan kedua:- struktur binaan utama dan tambahan bangunan pentadbiran UIA (Malhis, 2014) 197

Rajah 7.15 Gaya Reka Bentuk: Pembacaan mukaan reka bentuk lapisan ketiga dan keempat:- unsur binaan utama dan tambahan bangunan pentadbiran UIA (Malhis, 2014) 199

Rajah 7.16 menunjukkan dua stail bumbung pada bangunan pentadbiran (Arkitek FAA,2018; Jabatan Seni Bina dan Rekabentuk Alam Sekitar UIA, 2017) 200

| | | |
|---|---|---|
| Rajah 7.17 | Unsur seni bina tingkap dan pintu anak tangga persis rumah tradisi Melayu (rujuk rajah 7.16). (Arkitek FA,2018; Jabatan Seni Bina dan Rekabentuk Alam Sekitar UIA, 2017) | 201 |
| Rajah 7.18 | menunjukkan unsur seni bina tingkap dan pintu anak tangga rumah tradisi Melayu (sumber: http://rumahwarisanmelaka.com/, 2017) | 202 |
| Rajah 7.19 | Komposisi elemen seni bina UIA (Jabatan Seni Bina dan Rekabentuk Alam Sekitar UIA, 2017) | 202 |
| Rajah 7.20 | Pelan lokasi bangunan Pentadbiran USIM (JPKA USIM, 2017) | 207 |
| Rajah 7.21 | Pandangan atas bangunan pentadbiran dan bangunan kampus lain yang terasing (JPKA USIM, 2017) | 207 |
| Rajah 7.22 | Ukuran kelebaran dan ketinggian bangunan pentadbiran USIM yang diambil dari lukisan '*as-built*'(JPKA USIM, 2017) | 208 |
| Rajah 7.23 | Skala dan Perkadaran: Pembacaan mukaanreka bentuk lapisan pertama dan kedua:- struktur binaan utama dan tambahan bangunan pentadbiran USIM (Shata, 2014) | 209 |
| Rajah 7.24 | Gaya Reka Bentuk: Pembacaan mukaanreka bentuk lapisan ketiga dan keempat:- unsur binaan utama dan tambahan bangunan pentadbiran USIM (Malhis,2004) | 211 |
| Rajah 7.25 | Gaya Reka Bentuk: Perincian bumbung bangunan pentadbiran USIM (Malhis,2004) (JPKA,2018) | 213 |
| Rajah 7.26 | Gaya Reka Bentuk: Perincian dinding bangunan pentadbiran USIM (Malhis,2004) (JPKA USIM,2018) | 213 |
| Rajah 7.27 | Gaya Reka Bentuk: Perincian tapak atau asas bangunan pentadbiran USIM (Malhis,2004) (JPKA USIM,2018) | 214 |
| Rajah 7.28 | Gaya Reka Bentuk: Perincian kemasan *cornice* pada perimeter bumbung dan pada pembukaan dinding bangunan pentadbiran USIM (Malhis,2014) (JPKA,2018) | 215 |

## SENARAI ABREVIASI

| | | |
|---|---|---|
| DASIK | - | Dasar Seni bina Identiti Kebangsaan |
| GASIK | - | Garispanduan Seni bina Identiti Kebangsaan |
| MASIK | - | Sekretariat Seni bina Identiti Kebangsaan |
| FMSA | - | Persekutuan Tanah Melayu Persatuan Arkitek |
| IAM | - | Institusi Arkitek Malaysia |
| USIM | - | Universiti Sains Islam Malaysia |
| UTM | - | Universiti Teknologi Malaysia |
| UIA | - | Universiti Islam Antarabangsa |
| PAM | - | Persatuan Arkitek Malaysia |
| LAM | - | Lembaga Arkitek Malaysia |
| KPT | - | Kementerian Pendidikan Tinggi |
| NGO | - | Badan Bukan Kerajaan |
| MQA | - | Malaysia Qualification Agency |
| MQF | - | Malaysia Qualification Framework |

## SENARAI LAMPIRAN


| LAMPIRAN | TAJUK | HALAMAN |
|---|---|---|
| Lampiran A | Dasar Seni Bina Identiti Kebangsaan Kerajaan Malaysia (2017) | 253 |
| Lampiran B | Fasa Pertama – Teknik Analisa Data Reka Bentuk Mukaan Bangunan Pentadbiran Universiti (Skala dan Perkadaran) | 261 |
| Lampiran C | Fasa Pertama – Teknik Analisa Data Reka Bentuk Mukaan Bangunan Pentadbiran Universiti (Gaya dan Fungsi Reka Bentuk) | 262 |
| Lampiran D | Fasa Pertama — Teknik Analisa Data Dokumen & Transkrip Temu Duga Mukaan Bangunan Pentadbiran UKM | 267 |
| Lampiran E | Fasa Pertama — Teknik Analisa Data Dokumen & Transkrip Temu Duga Mukaan Bangunan Pentadbiran UIA | 276 |
| Lampiran F | Fasa Pertama — Teknik Analisa Data Dokumen & Transkrip Temu Duga Mukaan Bangunan Pentadbiran USIM | 288 |
| Lampiran G | Petikan Latar Belakang Universiti Kebangsaan Malaysia (Laman Rasmi UKM, 2018) | 299 |
| Lampiran H | Petikan Latar Belakang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (Laman Rasmi UIA, 2018) | 302 |
| Lampiran I | Petikan Latar Belakang Universiti Sains Islam Malaysia (Laman Rasmi USIM, 2018) | 304 |

# BAB 1

# PENGENALAN

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Pembentukan identiti kebangsaan adalah penting bukan sahaja untuk mencerminkan kemajuan negara tetapi untuk melindungi hak yang sah politik badan pemerintah dan membentuk kesinambungan warisan sejarah menerusi suku kaum yang berbilang latar belakang budaya dan agama (Ismail,2018; Surat, 2012; Adam, 2012; Sokol, 2009; Kroger, 2007). Penampilan identiti kebangsaan ini berkait rapat dengan kehidupan manusia. Alam bina merupakan unsur yang sering diguna pakai sebagai lambang untuk menzahirkan identiti kebangsaan ini (Baper dan Hassan, 2010; Kosman, 2007; Rasdi ,2005). Ini disokong oleh Vale (2008) yang menyatakan bahawa hasil kerja seni bina merupakan lambang yang bermakna kerana ia adalah unsur budaya. Dalam hal ini, seni bina boleh menyatukan masyarakat dan memupuk sentimen kebangsaan serta perpaduan menerusi unsur dan prinsipnya yang berupaya menyampaikan mesej tertentu dalam bentuk 'lambang' kepada pengguna (Webster,2014; Uros,2003; Kowert,1996; Wednt,1994; Scruton.,1979).

Oleh kerana seni bina dilihat dan sering dirujuk sebagai perlambangan identiti kebangsaan, maka adalah penting untuk mewujudkan identiti kebangsaan dalam semua kumpulan kepelbagaian bangunan termasuklah bangunan awam dan kerajaan (Mohidin,2017). Kepelbagaian bangunan ini terdiri daripada yayasan pendidikan, perdagangan, keagamaan, kesihatan dan perumahan (Mohidin, 2018; Hussain,2015; Valeri, 2013; Vale,2008; Kosman,2007). Namun begitu, yayasan pendidikan dilihat penting untuk menggambarkan identiti kebangsaan kerana jika dilihat hubung kait keadaan Malaysia, yayasan pendidikan merupakan unsur penting dalam mewarnai sejarah kebangsaan, kerana ia adalah pusat kelahiran cendekiawan yang memperjuangkan semangat kebangsaan dimana berperanan mencetuskan harapan identiti kebangsaan untuk sesebuah negara (Kassim, dan Nawawi, 2018; Vale, 2008;

Shamsuddin dll, 2007; Brown, 2005) Justeru itu, penyelidikan ini menjuruskan kepada yayasan pendidikan yang diwakili oleh mukaan bangunan pentadbiran universiti awam yang dibina di zaman selepas penubuhan Malaysia (tahun 1960-2000). Ini kerana yayasan pendidikan merupakan unsur penting semasa zaman ini kerana ia banyak mempengaruhi corak pembentukan sosial masyarakat yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat setempat (Dolev,2001; Kroger,2007). Dalam hal ini, sistem pendidikan telah memainkan peranan penting dalam melahirkan ramai sarjana tempatan yang berilmu (Kassim dan Nawawi, 2018; KPM, 2008). Justeru itu, pembangunan dan pencarian seni bina beridentiti kebangsaan ini dapat dilihat berlaku secara mendadak menerusi tempoh penubuhan Malaysia disepanjang tahun 1960an sehingga kini menerusi kewujudan banyak bangunan pendidikan awam di seluruh negara yang menjadi mercu tanda atau lambang kepada pembentukan identiti kebangsaan ini (Kassim dan Nawawi, 2018; Ismail, 2018; Mohidin, 2017; Kosman, 2007; Rasdi,2005; Dolev, 2001;).

## 1.2 Persoalan dan Permasalahan

Persoalan pembentukan dan permasalahan seni bina identiti kebangsaan bukan sahaja berlaku di peringkat awal penubuhan Malaysia (1963) tetapi masih lagi berterusan sehingga kini. Permasalahan pembentukan identiti seni bina kebangsaan ini menurut sarjana boleh dikenal pasti merangkumi dua perihal yang utama, iaitu dari segi pencarian dan penampilan identiti seni bina kebangsaan tersebut (Hussain,2015; Kosman,2007).

Daripada perihal pemasalahan pencarian identiti seni bina, persoalan ini timbul disebabkan oleh ketiadaan garis panduan yang menjurus berkenaan dengan kepentingan dan kaedah mewujudkan identiti kebangsaan pada seni bina bangunan tempatan. Berdasarkan kepada pandangan sarjana (Ismail, 2018; Mohidin, 2018; Surat, 2012; Bakar,2011; Rasdi, 2005; Kosman, 2007), tiada dasar atau panduan bagi seni bina berciri identiti kebangsaan yang menyeluruh, dihasilkan dan diiktiraf dalam mereka bentuk bangunan di Malaysia. Walaupun terdapat perdebatan mengenai persoalan seni bina identiti kebangsaan ini telah bermula semenjak awal penubuhan

persekutuan Tanah Melayu(1948) pada tahun 1950an oleh pertubuhan FMSA menerusi majalah PETA diikuti oleh PAM yang menggesa pencarian identiti kebangsaan melalui pelbagai medium sehinggalah kini, namun begitu, masih tiada suatu garis panduan atau polisi tetap yang dihasilkan (Surat ,2018; Mohidin, 2018; Rasdi, 2005). Walau bagaimanapun, pada tahun 2016 'Dasar Seni Bina Identiti Kebangsaan' (DASIK) telah digubal oleh LAM dengan kerjasama yayasan pendidikan tempatan yang bertujuan untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada para arkitek , pereka , perancang dan pihak berkuasa. Dasar ini walau bagaimanapun masih di peringkat awalan dan belum diamalkan serta dikuat kuasakan sepenuhnya di peringkat kebangsaan (Mastor,2018; Ismail,2018; Mohidin; 2018; Hussain,2015).

Menerusi perihal ketiadaan dan kurang keprihatinan terhadap penampilan identiti berciri seni bina kebangsaan, sarjana menggariskan bahawa pemasalahan ini timbul disebabkan oleh tiga sebab yang utama (Ismail,2018; Hussain,2015; Ismail, 2009; Kosman, 2007; Rasdi, 2005). Pertama, pertelingkahan percampuran gaya seni bina luaran dan antarabangsa yang keterlaluan disebabkan oleh pemikiran pereka tempatan yang taksub dengan gaya antarabangsa tanpa memikirkan keperluan dan hubung kait setempat. Kedua, disebabkan oleh ketidak seimbangan pembangunan dalam negara yang mana menjurus kepada keperluan dan kepentingan politik atau ekonomi dimana seni bina dijadikan sebagai alat untuk menyampaikan fahaman politik dan kehendak pemimpin sehingga melahirkan seni bina yang berciri perlambangan dan pengkaryaan tanpa menitik beratkan harapan masyarakat setempat. Ketiga, perubahan corak hidup dan budaya masyarkat yang sangat pantas disebabkan oleh penemuan bahan dan keupayaan teknologi terkini sehingga menyebabkan pereka tempatan terperangkap dalam perihal penampilan seni bina secara luaran menumpu kepada ciri estetik sahaja.

Dalam erti kata lain, bangunan hanya berperanan untuk tujuan dekorasi sahaja tanpa mementingkan penggunaan peranan dari segi budaya dan ketiadaan sifat kedaerahan (regionalisme) (Mohidin, 2018). Bangunan yang dirujuk tiada ciri jiwa sezaman dan setempat (Surat,2018; Ismail, 2018; Surat,2012).

Berdasarkan kepada permasalahan yang diketengahkan di atas, perihal permasalahan pencarian dan penampilan identiti seni bina kebangsaan ini bukan sahaja merangkumi kepelbagaian bangunan tertentu tetapi melibatkan semua kumpulan bangunan iaitu perniagaan dan dagangan, yayasan pendidikan, bangunan kerajaan dan awam, perumahan, keagamaan, kesihatan dan kemudahan awam. Namun begitu, yayasan pendidikan terutamanya bangunan pendidikan tinggi turut terkesan dalam hal ini (Kassim dan Nawawi,2018; Ismail,2018). Menurut Kosman dan Ibrahim (2007), ketiadaan keprihatinan terhadap identiti dan ciri-ciri kebangsaan akan menyebabkan kelahiran seni bina pendidikan yang tidak menyenangkan dan ketidakselesaan bagi pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, pentafsiran yang dibuat pada seni bina bangunan tidak memberi dorongan dan semangat kebangsaan dalam diri pelajar untuk mengenali pendekatan yang terbaik yang perlu diterapkan bagi membina pembangunan yang lebih berciri identiti kebangsaan tanpa perlu meniru seni bina luar yang kurang bersesuaian dengan hubung kait keadaan Malaysia (Kassim dan Nawawi,2018; Mohidin, 2018; Ismail, 2018; Hussain,2015; Surat,2012; Valeri, 2013; Kosman, 2007).

Menurut Shamsuddin dll (2007), kepentingan perancangan dan reka bentuk seni bina bangunan bangunan di kampus atau universiti adalah pertimbangan utama dalam mewujudkan persekitaran yang membantu kesejahteraan. Yayasan pendidikan penting kerana ia merupakan tempat kelahiran cendekiawan yang merobah corak negara di masa hadapan. Justeru itu, kesedaran terhadap identiti kebangsaan harus bermula di yayasan pendidikan menerusi penampilan seni binanya. Oleh itu, kajian mukaan bangunan di kampus iaitu pentadbiran bangunan sangat penting kerana pendekatan reka bentuk menyumbang kepada keseluruhan gambaran sebuah pendidikan, sementara menggambarkan nilai kebangsaan melalui seni bina (Kassim dan Nawawi,2018; Dolev,2001).

Pembentukan identiti negara dalam seni bina Malaysia harus diamalkan oleh arkitek, sarjana dan pemaju kerana kebimbangan perkembangan masa depan perlahan-lahan akan memudaratkan ciri-ciri sejati kita dan menjadi seni bina berciri eklektik. Secara amali, reka bentuk seni bina perlu mengambil kira sepenuhnya perihal persekitaran dalam menggerakkan pembangunan yang lebih berkesan kerana ia bukan

sahaja menggalakkan semangat kebangsaan tetapi juga memberi kesedaran penuh mengenai kepentingan hubungan kesejahteraan setempat, keserasian masyarakat dan pembangunan ekonomi pada masa hadapan (Surat,2018; Ismail, 2018; Fladmark,2015 Hussain,2015; Koeing, 2006; Tajuddin,2005).

## 1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan di atas maka persoalan kajian digariskan.

1. Adakah bangunan pendidikan di Malaysia yang menjurus kepada pendidikan tinggi awam mencerminkan nilai identiti kebangsaan, pada penampilan reka bentuknya?
2. Jika ya, apakah pengaruh faktor tetap tempatan dan faktor dinamik tempatan yang mempengaruhi pembentukan identiti kebangsaan ini dan bagaimanakah identiti kebangsaan ini ditampilkan pada reka bentuknya terutama dari segi mukaan bangunan?
3. Apakah sumbangan kajian ini dan cadangan yang terbaik untuk melahirkan seni bina yayasan pendidikan tinggi awam yang menampilkan identiti seni bina kebangsaan pada mukaan bangunan di masa hadapan?

## 1.4 Objektif Kajian

Untuk menjawab persoalan di atas, kajian ini menjurus kepada tiga objektif yang utama:

(i) Kenal pasti hubungan seni bina yayasan pendidikan tinggi awam terhadap penampilan identiti kebangsaan di Malaysia.

(ii) Cerakin dan sintesis sebab-sebab yang mempengaruhi penampilan reka bentuk seni bina pendidikan tinggi awam di Malaysia serta keadaan reka bentuk mukaan yayasan tinggi awam.

(iii) Cadangan mereka bentuk penampilan mukaan yang terbaik untuk yayasan pendidikan tinggi awam di Malaysia di masa hadapan sebagai rujukan yang menampilkan ciri identiti kebangsaan.

## 1.5 Bidang Kajian

Bidang kajian ini tertumpu kepada yayasan pendidikan tinggi awam di Malaysia. Namun begitu setelah diteliti, dan berdasarkan kepada pandangan sarjana hanya bangunan pentadbiran utama di yayasan pendidikan tinggi awam yang akan dipilih. Ini kerana bangunan pentadbiran merupakan teras utama yang membentuk serta melambangkan mercu tanda utama kepada pembentukan sesebuah kampus di Malaysia (Mohidin, 2018; Ismail,2018). Justera itu, bidang yayasan pendidikan tinggi awam dalam kelompok universiti awam yang dibina dalam tempoh selepas penubuhan Malaysia (1963) mewakili tahun 1960an ke 2000an sahaja yang dipilih. Ini kerana tempoh selepas penubuhan Malaysia (1963) ini dilihat paling genting dalam pencarian seni bina identiti kebangsaan ini (Ismail,2018; Kassim dan Nawawi,2018; Hussain,2015;) (rujuk Bab 6 untuk justifikasi pemilihan kajian kes secara terperinci).

## 1.6 Kepentingan Kajian

Melalui bidang reka bentuk dan komunikasi, kajian ini penting kerana ia memberikan pemahaman yang jelas mengenai komunikasi secara bukan lisan yang mencadangkan pendekatan pelbagai ukuran untuk meneliti tahap kerumitan makna yang dilaburkan dalam bentuk terbina yang berkaitan dengan perihal budaya tertentu sebagai rujukan kepada gagasan hermeneutik. Kajian ini juga penting kepada para pereka, ahli teori sosial dan penyelidik, yang memerlukan secara analisa keseluruhan `tanda 'dan persekitaran yang dibina kerana ia menerangkan mereka keupayaan seni bina sebagai unsur budaya yang dapat menyampaikan berbilang lapisan mesej dan menjelaskan bagaimana masyarakat dilaksanakan makna dalam persekitaran alam bina.

Dalam bidang teori seni bina, penyelidikan ini merumuskan kaedah-kaedah baru bagi pendekatan reka bentuk dan kajian budaya yang menggabungkan pelbagai paradigma (interpretasi), metodologi (hermeneutika), kaedah kualitatif dan pendekatan teknik penjelasan (*narrative research*) untuk mengkaji hubungan antara persekitaran dan fahaman yang dibina. Penyelidikan ini memberikan pengetahuan

baru kepada bidang ini dengan menerajui kajian reka bentuk binaan sebagai hakikat zahir dan menyediakan cara baru mencerakin hasrat dan stail penaung dan pengguna bangunan.

Kajian ini masih bernilai untuk program akademik alam bina, di mana para pendidik reka bentuk boleh menggunakan rangka kerja pemikiran yang dibina ini untuk rujukan para arkitek di masa hadapan mengikut pelbagai tahap pemahaman dan bukan hanya membaca persekitaran alam bina sebagai sudut pandangan pemerhati tetapi juga memaparkan beberapa pertimbangan yang dimaksudkan oleh pereka dan pengguna bangunan tersebut.

Menerusi peraturan seni bina dan identiti kebangsaan, kajian ini dapat menyumbang bagi menguatkan pengetahuan tentang seni bina setempat dengan meghuraikan bangunan awam terutamanya yayasan pendidikan tinggi awam secara mendalam disebabkan oleh sifat reka bentuknya (contoh: mukaan luaran dan dalaman, susunan struktur dan keratan, kedudukan dan penetapan , ukuran perkadaran , pintu masuk dan pendekatan serta susunan ruang) melambangkan fahaman, amalan dan sistem kepercayaan penaung atau pemaju bangunan dan pengguna bangunan juga mencerminkan identiti kebangsaan negara.

Dalam kaitan sejarah seni bina dan pembangunan seni bina di Malaysia, kajian ini menyumbang kepada bidang ini dengan menyediakan penaskahan terperinci mengenai perkembangan persekitaran alam bina menjurus kepada sejarah pendidikan institusi pendidikan tinggi awam. Ini berguna bagi sejarawan dan penyelidik yang berminat dalam evolusi binaan bangunan pendidikan di Malaysia serta sejarah penubuhan negara kerana ia menaskahkan suasana pendidikan yang berkaitan dengan nilai identiti kebangsaan dalam masyarakat. Ia turut memberikan penjelasan mengenai pendekatan kepentingan nilai identiti kebangsaan di Malaysia untuk rujukan di masa hadapan.

## 1.7 Struktur Kajian

Secara keseluruhannya kajian ini terbahagi kepada bab yang utama:

Bab pertama merupakan pengenalan awal mengenai kajian dan merumuskan arah hala tuju kajian. Bab ini terdiri daripada latar belakang kajian, permasalahan, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian.

